

07 MAY 1999

PM RASMIKAN BANGUNAN UMNO SELANGOR PADA 13 MEI

SHAH ALAM, 7 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan pembukaan Bangunan Umno Selangor berharga RM25 juta di Seksyen 11 di sini, 13 Mei ini.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Abu Hassan Omar berkata upacara pembukaan itu akan diadakan dari pukul 9 hingga 11 pagi.

Bangunan tujuh tingkat itu mula dibina tahun 1997, kata beliau dalam sidang media selepas menghadiri perhimpunan khas guru-guru Selangor di Dewan Jubli Perak di sini hari ini.

Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak berucap pada perhimpunan itu yang dihadiri oleh lebih 1,500 guru.

Abu Hassan berkata Perdana Menteri juga akan melancarkan empat buah buku pada hari itu. Antaranya koleksi ucapan beliau (Abu Hassan) sejak mengambil alih jawatan Menteri Besar Selangor bulan Mei 1997 dan sebuah buku mengenai sejarah perjuangan Umno Selangor.

-- Bernama

KM zb